

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Sunday, 10 May, 2020 1:46 PM
To: norazlinaabdjil@gmail.com
Subject: Fw: UUM Prihatin: Pensyarah UUM Dan Raqilla Insani Kumpul RM18,000 Bantuan Kecemasan Covid-19

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 16 April 2020 12:29

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: UUM Prihatin: Pensyarah UUM Dan Raqilla Insani Kumpul RM18,000 Bantuan Kecemasan Covid-19



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

16 APRIL 2020 / 22 SYAABAN 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Ihsan Raqilla Insani

UUM PRIHATIN: PENSYARAH UUM DAN RAQILLA INSANI KUMPUL RM18,000 BANTUAN KECEMASAN COVID-19



UUM ONLINE: Pensyarah Pusat Pengajian Undang-undang (SOL) menerusi Persatuan Kebajikan Raqilla Insani berjaya mengumpul sumbangan mencecah RM18,000 bagi membantu golongan terjejas akibat arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran penularan Covid-19.

Dr. Fauziah Mohd Noor berkata, dia bersama rakan Facebook telah menggerakkan Raqilla Insani sejak 2005 bagi menjayakan kerja amal bertemakan Kasih Tanpa Sempadan.

Menurutnya, mulai 20 Mac lalu, mereka telah mula mengadakan kutipan dana menerusi Facebook dan WhatsApp bagi membantu penduduk di kawasan bandar dan luar bandar yang terkesan akibat PKP ini.

“Alhamdulillah sehingga 8 April lalu, mereka telah mengumpul RM18,000 dan diagihkan kepada golongan yang layak untuk menerima.

“Kita mengagihkan bantuan berupa makanan dan barangan keperluan kepada 170 keluarga di Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Kelantan dan Terengganu, selain di Kedah,” katanya yang merupakan Pengerusi Persatuan Kebajikan Raqilla Insani.

Dr Fauziah berkata, di negeri Kedah, bantuan dihulurkan kepada beberapa keluarga di Kuala Nerang, Kuala Ketil, Sik dan Alor Setar tidak berkecuali pelarian Rohingya.

Menurutnya, dia berterima kasih kepada semua penyumbang yang bermurah hati untuk meringankan bebanan golongan yang memerlukan itu.

“Insya-Allah, kami akan cuba kemaskini aktiviti terkini Raqilla Insani kepada sahabat di FB terutamanya yang telah memberikan sumbangan,” katanya.

Raqilla Insani yang merupakan badan bukan kerajaan (NGO) turut menganjurkan program bantuan sempena kembali ke sekolah, Ramadan dan Aidilfitri, tuisyen Bahasa Inggeris percuma serta membantu keluarga asnaf secara berterusan dengan memberikan bantuan bulanan dalam bentuk wang perbelanjaan dapur dan bantuan persekolahan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.